



---

**DASAR PERTANIAN**  
NEGERI KELANTAN

DASAR PERTANIAN

# **DASAR PERTANIAN NEGERI KELANTAN**

Kerajaan Negeri Kelantan sangat mengambil berat dengan sektor pertanian. Ia merupakan sektor yang benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang dianggap penting dan perlu diberi keutamaan, iaitu rakyat awam yang rata-rata tergolong dalam kumpulan rakyat miskin. Demikianlah perasaan dan harapan YAB. Menteri Besar Kelantan. Seterusnya dalam satu ucapan beliau menegaskan, kekuatan industri berasaskan pertanian dan penternakan juga memberi kekuatan baru kepada sesebuah negeri, terutama ketika berhadapan dengan zaman kemelesetan ekonomi ataupun keamanan yang tidak stabil. Sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan. Pelbagai usaha sedang dan akan dijalankan bagi mencapai tujuan tersebut sesuai dengan konsep kerajaan negeri iaitu Membangun Bersama Islann.

## **DASAR**

Dasar Pertanian Negeri Kelantan dibawah slogan Membangun Bersama Islam adalah dasar yang memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan tanah terbiar serta pertanian komersial kearah memaksimum-kan pendapatan serta menjadikan negeri kelantan sebagai jelapang makanan negara.

## **MATLAMAT**

### **Matlamat Dasar Pertanian Negeri Kelantan adalah**

1. Memaksimumkan pendapatan daripada pertanian berasaskan kepada kecekapan pengeluaran dan peningkatan daya pengeluaran melalui pemilihan tanaman yang menguntungkan dan penggunaan teknologi moden secara cekap.
2. Mempergiat dan mengembangkan sektor pertanian menerusi pem-bangunan pertanian intensif, pengkomersilan dan pertanian berskala besar, menggalakkan penggunaan teknologi dan pengurusan moden, menggalakkan lagi penyertaan sektor swasta dalam bidang pertanian komersil.
3. Menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan negara melalui pening-katan secara berlipat ganda pengeluaran tanaman untuk makanan dan industri pengeluaran ternakan dan pengeluaran hasil perikanan, serta pembangunan kawasan Taman Industri Kecil dan Sederhana yang khu-sus bagi industri memproses makanan.

## **STRATEGI**

- i. Peningkatan daya pengeluaran, bermutu tinggi dan pengeluaran yang stabil dalam sektor pertanian .
- ii. Mengadakan ekspo pertanian Negeri Kelantan
- iii. Melahirkan usahawan tani di setiap jajahan
- iv. Mengatkan penggunaan teknologi dalam Industri Asas Tani
- v. Mewujudkan serta memulakan Sistem Pemasaran yang sempurna
- vi. Sistem pengurusan yang efisyien meliputi saluran pemasaran, pemerosesan dan perkhidmatan pengangkutan yang baik.
- vii. Meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga tani melalui kenaikan dalam tingkat pendapatan .
- viii. Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri hiliran dan golongan usahawan tani.
- ix. Menggalakkan Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) dalam usaha untuk mencari alternatif terbaik kepada sub-sektor pertanian yang kurang berpotensi dan kurang digalakkan.

## **PELAN STRATEGIK PERTANIAN (PSP) NEGERI KELANTAN**

Matlamat pelaksanaan pembangunan pertanian Negeri Kelantan adalah untuk membantu mencapai tahap dan corak pembangunan sektor dengan lebih berkesan agar berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara lebih pesat dan berdaya maju. Disamping itu, isu strategik yang utama yang mesti dihadapi dalam proses pelaksanaannya ialah persoalan bagaimana untuk mencapai pembangunan yang lebih berdaya maju, seimbang dan berterusan serta sejajar pula dengan usaha mengasaskan pembangunan negeri berteraskan konsep Membangun Bersama Islam.

## **PROGRAM PERTANIAN KENDALIAN KERAJAAN KELANTAN**

Diantara progam-program pertanian yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah mengikut bidang :-

### **PERTANIAN**

1. Rancangan Pembangunan Industri Desa dan Pembangunan Desa berdasarkan pertanian sejak 1991 dengan peruntukan sebanyak RM3.1 6 juta.
2. Peningkatan pengeluaran sayur-sayuran melebihi 100% semenjak 1990 hingga 2002 dengan nilai jualan melebihi RM60 juta , melalui pembukaan TKPM Telong, Lojing dan Alor Pulai .
3. Peningkatan pengeluaran buah -buahan sebanyak 750% sejak tahun 1990 - 2003, meningkat dari 15,468 metrik tan kepada 128,396 metrik tan .
4. Peningkakatan pengeluaran beras sejak 1990 hingga 2003 sebanyak 124,831 mt ke 194,483 mt.
5. Peruntukan sebanyak RM 4.3 juta setahun bagi menampung pemberian subsidi baja.
6. Melahirkan usahawan muda tani yang telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka dari RM 721 .00 sebulan pada tahun 2000 kepada RM 1862.00 sebulan tahun 2002.
7. Melahirkan petani pelapis dengan melatih dan mem beriku rsus kepada 3,478 orang petani pelapis.
8. Meningkatkan lagi penanaman jagung, bawang, biji rin dan nenas secara komersial.
9. Menjalankan Projek Kumpulan Pengem bangan Wanita dengan anggaran nilai pendapatan berjumlah RM 10.5 juta pada tahun 2004.

## **PENTERNAKAN**

10. Meningkatkan nilai pengeluaran penternakan diladang dari RM 74.5 juta pada 1990 kepada RM 1 86.7 j uta pada 2002.
11. Peningkatan hasil daripada penternakan dari RM885 ribu pada 1990 kepada RM 8.1 juta tahun 2002.
12. Meningkatkan populasi induk lembu melalui penternakan secara tradisi dengan melaksanakan sistem pawah.Terdapat lebih 28,179 peserta sejak mula diperkenalkan pada tahun 1990.
13. Mewujudkan sebuah pusat penyembelihan di Machang.
14. Memajukan ternakan tenua dengan mengadakan program ternakan tenua secara berkelompok .
15. Mewujudkan zon penternakan berkelompok untuk penternakan lembu, kerbau, kambing, bebiri dan ayam itik.

## **PERIKANAN**

16. Meningkatkan jumlah bilangan nelayan dari 4091 orang tahun 1990 kepada 7246 tahun 2002 manakala hasil pendaratan ikan pula telah meningkat kepada RM 235 juta untuk tahun 2002 berbanding RM55 juta tahun 1990.
17. Menyediakan kemudahan sokongan industri perikanan seperti 4 pelabuhan, 19 jeti pendaratan, 15 bili k sejuk dan 17 kilang air batu 1 yang bernilai RM 235 juta pada tahun 2002.
18. Menganjurkan beberapa latihan perikanan kepada nelayan pelapis seperti kursus nahkoda, pengendalian ikan , pem prosesan ikan , SPS, perkem bangan penyendahan ikan dan kemahi ran nelayan .
19. Memajukan Projek Ternakan Ai r (aquaculture). Kini terdapat 6 zon perikanan bagi tujuan itu seperti di Tasik Pergau Jeli dan Takungan Gong Kulim di Pasir Puteh.

20. Sektor ternakan ikan juga telah menunjukkan peningkatan dari 174 tan dengan nilai RM 885 ribu tahun 1990 kepada 11334 tan dengan hasil sebanyak RM 8.2 juta tahun 2002.
- 21 . Memperkenalkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk mengekalkan keluasan padang rumput kerajaan bagi dimanfaatkan oleh penduduk tempatan. Tanah seluas 1214 hektar dikhaskan untuk pertanian rumahan.

(Keterangan lanjut Sektor Pertanian dalam Bab 4.0 buku Plan Strategik Pembangunan Negeri Kelantan penerbitan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan tahun 2000)